

D456

R B816 BAH
MIC - SUBRAMANIAM
(I)

PETALING JAYA, 3 OKT (BERNAMA) -- TIMBALAN PRESIDEN MIC DATUK S. SUBRAMANIAM HARI INI MENAFIKAN DAKWAAN KONONNYA BELIAU TERBABIT DALAM PAKATAN UNTUK MENJATUHKAN DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD DALAM PEMILIHAN UMNO PADA APRIL 1987.

+ PERDANA MENTERI DAN PEMIMPIN-PEMIMPIN UMNO LAIN TAHU AKAN HAKIKAT INI. SAYA TIDAK ADA KENA-MENGENA DENGAN HAL EHWAL DALAM UMNO ATAU PARTI KOHPOKONEN BARISAN NASIONAL, + KATANYA KEPADA PEMBERITA DI KEDIAMANNYA DI SINI.

BELIAU BERKATA. DENIKIAN BAGI MENJELASKAN DAKWAAN ITU, YANG DIBUAT OLEH PRESIDEN MIC DATUK SERI S. SAMY VELLU SEMALAM.

DATUK SUBRAMANIAM, YANG JUGA TIMBALAN MENTERI PERTANIAN, BERKATA DAKWAAN KE ATASNYA OLEH DATUK SERI SAMY VELLU ADALAH ANTARA BEBERAPA PERKARA KHUSUS YANG DIBINCANGKANNYA DENGAN DATUK SERI DR MAHATHIR, YANG JUGA PRESIDEN UMNO, BARU-BARU INI.

+ SAYA TELAH MEMBERITAHU PERDANA MENTERI MENGENAI DAKWAAN PRESIDEN MIC ITU, SEPERTI ... KONONNYA SAYA MENYOKONG TENGG'J RAZALEIGH HAMZAH, + KATANYA, DAN MENAMBAH BAHAWA BELIAU SENTIASA MEMPUYAI HUBUNGAN MESRA DENGAN PERDANA MENTERI DAN PEMIMPIN-PEMIMPIN UMNO YANG LAIN.

DATUK SUBRAMANIAM JUGA MENJELASKAN BAHAWA BELIAU TIDAK PERNAH BERKATA DATUK SERI DR MAHATHIR TELAH MERESTUI PENCALONANNYA UNTUK JAWATAN PRESIDEN MIC. -- LA61

1513MST 03 10 89

D461

R B819 BAH
MIC - SUBRAMANIAM 2 PETALING JAYA

+ SAYA MENGHADAPI PEMILIHAN PRESIDEN DEMI UNTUK MIC ... BUKAN UMNO. JIKA DATUK SERI SAMY VELLU BERKATA SAYA BOLEH MEMPENGARUHI PENGUNDI-PENGUNDI UMNO, BELIAU MEMANDANG RENDAH DAN MEMALUKAN PERWAKILAN UMNO, YANG TELAH CUKUP MATANG UNTUK MENANGANI HAL EHWAL HERKA SENDIRI, + KATANYA.

DATUK SUBRAMANIAM BERKATA BELIAU TIDAK BERHASRAT UNTUK MENGAITKAN NAMA DATUK SERI DR MAHATHIR DALAM PEMILIHAN ITU ATAU MELAKUKAN SESUATU YANG BOLEH HENJEJASKAN IMEJ DAN MARUAH PERDANA MENTERI.

KETIKA DITANYA MENGENAI KENYATAAN DATUK SERI SAMY VELLU BAHAWA BELIAU MEMPUYAI BUKTI UNTUK MENYOKONG DAKWAANNYA, DATUK SUBRAMANIAM BERKATA: + BELIAU BUKANNYA MENGENDALIKAN AGENSI PERISIKAN DI NEGARA INI. PERDANA MENTERI DAN POLIS YANG PATUT TAHU, BUKAN BELIAU. +

BELIAU MENAMBAH: + PERDANA MENTERI, SEBAGAI PEMIMPIN BN, CUKUP MEMAKLUMI BUKAN SAJA KEADAAN DALAM PARTI TETAPI TOKOH-TOKOHNYA. +

DATUK SUBRAMANIAM BERKATA BELIAU TIDAK BERCADANG UNTUK MENGAMBIL SEBARANG TINDAKAN MAHKAMAH KE ATAS DATUK SERI SAMY VELLU, YANG MERUPAKAN HENTERI TENAGA, TELEKOM DAN POS, KERANA DAKWAANNYA ITU. -- BERNAHA

1524MST 03 10 89